

# Jambatan baru akan dibina tidak lama lagi

BH 14/6/06

**J**ASIN: Kerajaan negeri akan memulakan segera kerja pembinaan semula jambatan di Kampung Sempang Pantai, Merlimau dekat sini, yang roboh sewaktu dilalui sebuah lori baru-baru ini.

Jambatan itu yang sebelumnya mempunyai struktur seratus peratus kayu, akan digantikan dengan jambatan konkrit dengan kos kira-kira RM49,500.

Projek membina jambatan di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri itu akan bermula minggu depan dan dijangka siap dalam tempoh sebulan.

Exco Pembangunan Desa dan Pertanian negeri, Md Yunus Husin, berkata pembinaan semula jam-

batan itu harus disegerakan berikutan 30 keluarga di situ terputus hubungan akibat kejadian itu.

Ini kerana, katanya jambatan itu adalah laluan utama untuk keluar atau masuk ke perkampungan berkenaan.

"Mengikut jadual, pembinaan jambatan akan mengambil masa tiga bulan. Tapi kita sudah mengarahkan kontraktor mempercepat pembinaannya dan menyiapkannya dalam tempoh sebulan, demi kepentingan penduduk di kawasan itu," katanya.

Jambatan kayu yang dibina sejak lima tahun lalu itu dikatakan rosak akibat sering dilalui pelbagai jenis kenderaan berat.